

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW**  
**KAWASAN : SIBU**  
**TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pelupusan kontrak PDP dalam projek pembinaan Pan Borneo. Nyatakan jenis pelaksanaan yang baru, dan kelebihan pelaksanaan baru berbanding dengan cara lama. Dari segi kos, berapakah peratusan penjimatan yang akan dibawa oleh pelaksanaan yang baru.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada Negara, mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak telah diteliti semula dengan mengekalkan spesifikasi dan skop asal. Berikutan itu Kerajaan telah bersetuju dengan penamatan Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner - PDP) dan kos pelaksanaan projek dapat dikurangkandengan tiadanya pembayaran yuran PDP.

Dengan mengambil pendekatan yang sama seperti Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak akan menggunakan pakai kepakaran teknikal sedia ada dalam melaksanakan projek secara konvensional. Bagi membolehkan proses peralihan berjalan dengan lancar dan teratur, penilaian terperinci sedang dijalankan bersama syarikat PDP, kontrak Kontraktor Pakej Kerja (*Work Package Contract – WPC*) dan perunding yang telah dilantik untuk memuktamadkan perkara-perkara berkaitan dalam tempoh notis penamatan.

Perubahan model pelaksanaan tersebut tidak akan menjaskan skop, aspek keselamatan dan kelangsungan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.